

TAHAP PENAAKULAN MORAL GURU PELATIH KDPM DAN KPLI DI MPBL

Margaret Goh Lee Zea
Chai Sheau Ming
Ravi Gopal
Jabatan Kajian Sosial

ABSTRAK

Kajian tinjauan ini adalah berdasarkan teori perkembangan moral Kohlberg bagi menentukan peringkat penaaakulan moral guru-guru pelatih KDPM PCMT Semester 3 dan 4 dan KPLI SR (PC dan MT) di MPBL. Borang tinjauan yang mengandungi empat cerita berdilemma moral digunakan untuk mengutip data kajian. Pembolehubah bersandar yang dikaji ialah peringkat-peringkat perkembangan moral Kohlberg (1955) sementara pembolehubah demografik yang dikaji adalah tahap akademik dan umur. Dapatan kajian menunjukkan bahawa keempat-empat peringkat penaaakulan moral, iaitu peringkat-peringkat 1, 2, 3 dan 4 didapati pada guru pelatih KDPM dan KPLI. Apa yang berlainan ialah peratusan pencapaian peringkat penaaakulan moral mengikut kumpulan. Kebanyakan pelatih KDPM (33.5%) berada pada peringkat 2, iaitu tahap prakonvensional, manakala kebanyakan pelatih KPLI (41.7%) berada pada peringkat 3, iaitu tahap konvensional. Lebih ramai guru pelatih KPLI yang bertahap akademik lebih tinggi daripada KDPM telah mencapai peringkat penaaakulan moral yang lebih tinggi. Lebih ramai guru pelatih yang berusia lebih tua juga telah mencapai peringkat penaaakulan moral yang lebih tinggi berbanding dengan guru pelatih yang berusia lebih muda.

PENDAHULUAN

Usaha untuk membina satu masyarakat Malaysia yang bermoral memerlukan pelaksanaan program pendidikan moral pada peringkat awal persekolahan lagi. Dalam program Pendidikan Moral Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) dan Kurikulum Baru Sekolah Menengah (KBSM), sebanyak 16 nilai moral utama dan 64 pecahan nilai yang merangkumi nilai-nilai murni perseorangan dan masyarakat Malaysia diajar di sekolah (Sukatan Pelajaran Pendidikan Moral KBSM, 1988).

Program ini menekankan bahawa:

“Pemupukan dan penghayatan nilai-nilai ini akan dapat mengembangkan daya pemikiran, menyuburkan emosi dan membentuk perlakuan individu berasaskan taakulan moral, emosi moral dan tingkahlaku moral”.

Huraian Sukatan Pelajaran Pendidikan Moral KBSM Tahun 1992 mengesyorkan agar perancangan pengajaran dan pembelajaran adalah berasaskan kepada isu dan situasi. Ini adalah kerana tumpuan pengajaran dan pembelajaran kepada penyelesaian masalah berkaitan isu dan situasi moral akan memerlukan pertimbangan rasional sebelum sesuatu keputusan diambil terhadap isu dan situasi yang dikemukakan.

Latar Belakang Kajian

Kohlberg (1975) mengakui bahawa pendidikan moral mempunyai asas dalam merangsangkan pemikiran aktif seseorang ketika dia membuat keputusan terhadap isu-isu moral. Teknik yang digunakan dalam pendekatan ini ialah cerita-cerita yang mengandungi dilema moral. Dilema-dilema moral tersebut membincangkan isu-isu moral yang berbeza dan melibatkan nilai-nilai yang berkonflik antara satu sama lain seperti undang-undang, peraturan sosial dan perintah autoriti. Mengikut Zieler (1990), tugas guru yang mengemukakan dilema moral adalah untuk mencari “alasan-alasan yang betul” dan bukannya “jawapan-jawapan yang betul”. Daripada kajian-kajian pelbagai penyelidik (Rest, 1974; Nisan & Kohlberg, 1982; Walker & Thomas, 1991), dapat disimpulkan bahawa perbincangan dilema moral dapat mengembangkan penaaakulan moral pelajar di dalam bilik darjah.

Oleh kerana salah satu tumpuan utama mata pelajaran Pendidikan Moral di sekolah adalah kepada perkembangan penaaakulan moral pelajar, adalah penting guru-guru Pendidikan Moral berkemahiran merangsang kemahiran berfikir dan seterusnya memperkembangkan tahap penaaakulan pelajar. Memandangkan bahawa guru-guru pelatih merupakan bakal guru-guru sekolah, tumpuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti peringkat penaaakulan moral kognitif guru-guru pelatih Kursus Diploma Perguruan Malaysia yang berpengkhurusan Pengajian Cina dan Matematik bagi Kursus Diploma Pendidikan Malaysia (KDPM) dan Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI) berdasarkan teori perkembangan moral Kohlberg agar tindakan-tindakan susulan dapat diambil untuk melengkapi para guru pelatih tentang kemahiran tersebut.

Kedua-dua kumpulan KDPM dan KPLI SR dikehendaki mengambil mata pelajaran Pendidikan Moral Dinamika daripada komponen penyuburan diri. Menurut Sukatan Pelajaran Pendidikan Moral KDPM dan KPLI (2001), komponen ini merupakan usaha mendidik guru pelatih menjadi insan guru yang bermoral dan berakhlak mulia dengan menekankan perkembangan pemikiran moral, perasaan moral dan tingkah laku moral. Kandungan sukatan mata pelajaran Pendidikan Moral ini

menitikberatkan aspek pengetahuan tentang konsep dari teori perkembangan moral, tanggungjawab agen-agen moral serta isu-isu moral masyarakat setempat dan sejagat. Guru pelatih diberi peluang menguasai kemahiran-kemahiran tertentu seperti pemikiran kritikal dan kreatif dan kemahiran menyelesaikan konflik.

Pernyataan Masalah

Untuk mengajar mata pelajaran Pendidikan Moral dengan berkesan, para pensyarah perlu mengetahui peringkat penaakulan moral kognitif pelatih mereka. Pengetahuan ini dapat membantu para pensyarah untuk merancang strategi P&P yang sesuai dengan bahan pengajaran yang berkaitan. Mengikut Armstrong (1993), ketiadaan pengetahuan ini boleh menjejaskan usaha guru untuk membantu pelajar mencapai peringkat perkembangan moral yang lebih tinggi.

Melalui pemerhatian para pensyarah, didapati bahawa pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral tidak selalunya dapat merangsangkan pelatih. Ini mungkin berkaitan dengan ketidaksesuaian isu dilemma moral yang dipilih oleh pensyarah. Pemilihan isu dilemma moral yang kurang sesuai mungkin akan menjejaskan perkembangan tahap penaakulan moral pelatih ke tahap yang lebih tinggi.

Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti peringkat penaakulan moral dua program guru pelatih di Maktab Perguruan Batu Lintang (MPBL), iaitu kumpulan KDPM Pengajian Cina dan Matematik dari Semester 3 dan 4 (PCMT S 3 & 4), dan KPLI Sekolah Rendah berpengkhususan Pengajian Cina dan Matematik (SR PC & MT).

Persoalan Kajian

Kajian ini akan cuba menjawab soalan berikut:

“Apakah peringkat penaakulan moral guru-guru pelatih KDPM PCMT S 3 & 4, dan KPLI SR PC & MT di MPBL secara keseluruhan mengikut tahap akademik dan umur masing-masing berdasarkan model yang disarankan Kohlberg (1975)?”

Kepentingan Kajian

Apabila keadaan kanak-kanak serta kemoralan remaja difahami, barulah teknik-teknik yang berkesan untuk meningkat perkembangannya boleh dihasilkan (Kay, 1970). Jadi dapatan kajian tentang tahap perkembangan moral pelajar diharapkan boleh membantu guru memilih strategi dan teknik pengajaran dan pembelajaran pendidikan moral yang sesuai untuk meningkatkan lagi perkembangan moral pelajar-pelajar. Di samping itu, aktiviti pembelajaran yang selaras dengan peringkat perkembangan moral pelajar boleh menolong merangsangkan pemikiran yang

rasional. Ini adalah selaras dengan pandangan yang guru boleh membantu pelajar mencapai peringkat perkembangan moral yang lebih tinggi (Armstrong, 1993).

Batasan Kajian

Oleh kerana sampel kajian adalah terdiri daripada guru-guru pelatih KDPM PCMT Semester 3 dan 4, dan KPLI SR yang berpengkhususan PC dan MT di MPBL sahaja, maka segala dapatan kajian serta kesimpulannya adalah dianggap benar hanya bagi golongan guru pelatih tersebut sahaja dan tidak boleh digeneralisasikan kepada guru pelatih berpengkhususan lain di maktab ini atau di maktab lain.

Penakrifan Istilah

Beberapa istilah yang digunakan dalam kajian ini membawa makna yang khusus dalam konteks kajian seperti mana yang dinyatakan di bawah.

1. Moral: Merujuk kepada kelakuan yang melibatkan pertimbangan atau penaaakuan yang mematuhi norma sosial yang ditetapkan sebagai tingkahlaku yang betul (Berkowitz, 1964).
2. Penaakuan Moral: Suatu proses pemikiran dan pertimbangan moral yang dapat digunakan untuk menentukan peringkat perkembangan moral.
3. KPLI SR PC & MT: Kursus Perguruan Lepas Ijazah berpengkhususan Pengajian Cina dan Matematik Sekolah Rendah. Semua pelatih yang mengikuti kursus ini telah memperolehi ijazah sarjana muda. Kursus ini mengambil masa satu tahun sahaja.
4. KDPM PCMT S3 & 4: Kursus Diploma Perguruan Malaysia berpengkhususan Pengajian Cina dan Matematik Semester 3 dan 4. Semua pelatih yang mengikuti kursus ini belum memperolehi ijazah sarjana muda. Kursus ini mengambil masa 3 tahun.

TINJAUAN BAHAN KAJIAN YANG BERKAITAN

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti peringkat perkembangan moral guru-guru pelatih KDPM PCMT Semester 3 dan 4, dan KPLI SR di MPBL berdasarkan model yang disarankan Kohlberg (1975).

Teori perkembangan moral kognitif

Pemahaman tentang perkembangan moral pelajar dipercayai dapat memberi satu sumbangan yang signifikan terhadap pendidikan moral di sekolah. Menurut Abdul Rahman dan Chang (1994), pengetahuan ini akan membantu guru-guru memilih kandungan dan kaedah pengajaran yang sesuai dengan peringkat perkembangan moral yang telah dicapai oleh pelajar di sekolah. Dengan mengetahui dan mengenal pasti peringkat-peringkat penaaakuan moral pelajar, guru mampu meningkatkan lagi perkembangan moral mereka ke satu peringkat seterusnya yang lebih tinggi melalui

aktiviti perbincangan dilemma moral di dalam bilik darjah. Ini bermaksud kaedah-kaedah pengajaran dan pembelajaran yang selaras dengan peringkat perkembangan moral pelajar mungkin dapat merangsangkan pemikiran yang rasional.

Teori perkembangan moral kognitif telah mula-mula dicadangkan oleh John Dewey. Teori ini bercorak kognitif kerana ia mengakui bahawa pendidikan moral mempunyai asas dalam merangsangkan pemikiran aktif pelajar terhadap isu-isu dan membuat keputusan yang berkaitan dengan moral (Kohlberg, 1975). Dewey telah mengenal pasti tiga peringkat perkembangan moral iaitu:

- (1) Peringkat pramoral (prakonvensional) di mana sesuatu perlakuan itu dimotivasikan oleh dorongan biologikal dan sosial yang mengakibatkan moral.
- (2) Peringkat konvensional di mana seorang individu menerima standard atau norma-norma masyarakatnya tanpa banyak tentangan.
- (3) Peringkat autonomus di mana perlakuan seseorang itu adalah dibimbing oleh pemikiran dan pertimbangannya tentang sama ada sesuatu matlamat itu baik atau tidak.

Menurut Mosher (1980), Piaget, selepas menjalankan penyelidikan, telah menjelaskan semula peringkat-peringkat penaakulan moral Dewey kepada peringkat-peringkat berikut:

- (1) Peringkat pramoral di mana seseorang itu tidak mempunyai obligasi terhadap peraturan. Pada peringkat ini, pelajar belum lagi memahami fungsi sesuatu peraturan.
- (2) Peringkat heteronomos iaitu sesuatu yang betul itu merupakan ketaatan kepada peraturan. Seseorang itu sudah mula menerima peraturan dan mempunyai obligasi dan kepatuhan terhadap kuasa dan hukuman.
- (3) Peringkat autonomos di mana seseorang itu mempunyai keupayaan untuk menimbang di antara tujuan dan kesan-kesan sesuatu peraturan. Obligasi terhadap peraturan adalah berasaskan kepada amalan timbal balik dan pertukaran.

Kohlberg dalam tahun 1955 telah mengenalpasti tiga tahap perkembangan moral dan setiap tahap dibahagikan pula kepada dua peringkat. Tahap-tahap dan peringkat-peringkat perkembangannya adalah seperti berikut:

I. Tahap Prakonvensional

Peringkat 1: Orientasi hukuman dan kepatuhan - Pada peringkat ini, seseorang itu mementingkan diri sendiri. Mereka mematuhi sesuatu autoriti yang lebih berkuasa kerana takut kepada hukuman atau denda.

Peringkat 2: Orientasi Instrumental Relativis - Pada peringkat ini, seseorang itu mengambil berat tentang orang lain tetapi mempunyai kepentingan diri. Motif utama seseorang adalah untuk memuaskan keperluan diri sendiri dan tidak mepedulikan keperluan orang lain.

II. Tahap Konvensional

Peringkat 3: Orientasi Persetujuan Antara Individu - Pada peringkat ini, seseorang itu mengambil berat tentang orang lain dan mengikuti norma-norma mereka. Motif mereka ialah untuk menjadi seorang yang baik seperti yang diharapkan oleh orang lain. Kasih sayang dan sikap prihatin memainkan peranan yang penting.

Peringkat 4: Orientasi Undang-undang dan Peraturan - Seseorang itu mengambil berat tentang ketenteraman dalam sesebuah masyarakat. Seseorang itu mempunyai tanggungjawab untuk memelihara peraturan-peraturan dalam masyarakat. Fokus utama adalah untuk memelihara masyarakat dan mengelakkan perpecahan dalam sistem tersebut.

III. Tahap Poskonvensional

Peringkat 5: Orientasi “Contract-Legalistic” sosial - Pada peringkat ini, seseorang itu mempunyai obligasi terhadap undang-undang disebabkan kontrak sosialnya untuk mematuhi undang-undang demi menjaga kebajikan orang ramai dan melindungi hak mereka. Undang-undang dibuat untuk kebaikan semua. Walau bagaimanapun, nilai-nilai seperti kebebasan dan nyawa harus dipertahankan dalam mana-mana masyarakat tanpa mempedulikan pendapat majoriti.

Peringkat 6: Orientasi Prinsip Etika Sejagat - Pada peringkat ini, seseorang yang rasional percaya validiti prinsip-prinsip moral sejagat dan mereka mempunyai komitmen peribadi terhadapnya. Prinsip-prinsip sejagat tersebut adalah seperti keadilan, persamaan dan hormat kepada kemuliaan orang ramai sebagai seorang individu. Sesuatu undang-undang atau persetujuan sosial (“social agreement”) tertentu pada kebiasaannya adalah sah kerana ia adalah berdasarkan kepada prinsip-prinsip tersebut. Apabila sesuatu undang-undang itu dilanggar, seseorang itu akan bertindak mengikut prinsip tersebut.

Menurut Kohlberg, peringkat-peringkat perkembangan moral itu mempunyai beberapa ciri. Antaranya ialah:

- a) Peringkat-peringkat ini adalah bersifat “hierarchial integrations.” Apabila seseorang individu didapati berada di satu peringkat yang lebih tinggi, ini bermakna bahawa ia telah melalui peringkat-peringkat moral yang lebih rendah.
- b) Peringkat-peringkat itu adalah “structured wholes” kerana ia merupakan sistem pemikiran yang berterusan. Cara seseorang menganalisis dan menginterpretasikan data serta membuat keputusan mengenai masalah moral dan peribadi merupakan perkara yang sangat penting dalam perkembangan moral secara keseluruhan.

- c) Urutan dalam peringkat-peringkat itu adalah tidak varian, iaitu pergerakan dalam peringkat penaaakulan moral selalunya adalah ke depan dan tidak pernah undur.

Berdasarkan kepada kajian-kajiannya yang dijalankan di beberapa negara seperti Amerika Syarikat, Taiwan, Turki, Mexico dan Yucatan, Kohlberg (1973) mendakwa bahawa teori perkembangan moralnya itu adalah sejagat dan merentas budaya iaitu

“All individuals in all cultures use the same thirty basic moral categories, concepts or principles and all individuals in all cultures go through the same order or sequence of gross stage development, though they vary in rate and terminal point of development”.

Di negara Malaysia pula, penyelidik-penyelidik tempatan (Chuah, 1989; Azian, 1990 & Loganathan, 1995) telah mengesahkan kesejagatan teori perkembangan moral Kohlberg melalui kajian-kajian mereka. Ini sebab model Kohlberg dipilih untuk kajian ini.

Perkembangan Moral dan Umur


Menurut Kohlberg (1975), tingkahlaku moral adalah bersifat “developmental”. Justeru, kanak-kanak dari kategori umur yang berlainan juga diharapkan berbeza dalam perkembangan serta tingkah laku moral mereka. Pelbagai kajian (Turiel, Edwards & Kohlberg, 1978; Chandrasegaran, 1979; Colby, Kohlberg, Gibbs, & Lieberman 1983; Chuah, 1989) yang telah dijalankan mendapati perkembangan moral mempunyai perkaitan dengan umur subjek.

Sebagai kesimpulan, beberapa perkara yang menjadi fokus kepada kajian ini adalah dirumuskan seperti berikut:

- (1) Kepentingan dan kesejagatan teori perkembangan moral dan implikasinya dalam proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral;
- (2) Perkembangan moral seseorang adalah berhubungkait dengan umur.

Kerangka Konseptual

Kajian ini merupakan satu usaha untuk mengenalpasti peringkat perkembangan moral para guru pelatih dengan menggunakan model yang disarankan Kohlberg (1975). Pelbagai kajian penyelidikan (Beck, 1989; Reimer, 1988; Chandrasegaran, 1979; Chuah, 1989) mendapati bahawa perkembangan moral seseorang adalah berhubungkait dengan umur. Jadi, dua faktor yang dikaji dalam kajian ini adalah tahap akademik guru pelatih dan umur mereka. Di samping ini, hasil kajian yang diperolehi ialah peringkat perkembangan moral mereka. Rajah 1 menunjukkan kerangka konseptual kajian ini.



Rajah 1: Kerangka Konseptual Kajian

METODOLOGI KAJIAN

Bahagian metodologi kajian ini dibahagikan kepada beberapa bahagian iaitu (1) Rekabentuk Kajian; (2) Sampel; (3) Instrumen; (4) Pengumpulan Data dan (5) Analisis Data.

Reka bentuk Kajian

Kajian tinjauan ini adalah berdasarkan teori perkembangan moral Kohlberg bagi menentukan peringkat penaaakulan moral guru-guru pelatih KDPM PCMT Semester 3 dan 4, dan KPLI SR (PC dan MT) di MPBL. Borang tinjauan yang mengandungi empat cerita berdilema moral telah digunakan untuk mengutip data kuantitatif dalam kajian ini. Pembolehubah bersandar yang dikaji ialah peringkat-peringkat perkembangan moral Kohlberg (1955) sementara pembolehubah demografik yang dikaji adalah tahap akademik dan umur.

Responden Kajian

Mengikut Teori Kohlberg, tahap perkembangan moral pelajar berbeza mengikut umur. Ini menjadi sebab utama mengapa guru pelatih KDPM dan KPLI dipilih sebagai responden kajian. Oleh kerana kajian ini meninjau tahap perkembangan moral guru pelatih dari pengkhususan Pengajian Cina dan Matematik sahaja, maka kesemua 62 orang guru pelatih kumpulan KDPM PCMT Semester 3 dan 4, dan 36 orang guru pelatih dari kumpulan KPLI SR (PC dan MT) dipilih menjadi responden. Bagi program KDPM, 30 orang guru pelatih adalah dari Semester 3 dan yang selebihnya 32 orang adalah dari Semester 4. Bagi program KPLI SR pula, 16 guru pelatih adalah dari kumpulan KPLI MT dan 20 lagi dari kumpulan KPLI PC. Didapati purata umur bagi guru-guru pelatih KDPM PCMT ialah 22 tahun 6 bulan manakala purata umur bagi guru-guru pelatih KPLI SR ialah 26 tahun 2 bulan.

Jadual 1: Responden kajian mengikut kumpulan KDPM dan KPLI

Kumpulan	Bilangan Guru Pelatih	Jumlah Guru Pelatih
KDPM		
1. PCMT Sem 3	30	62
2. PCMT Sem 4	32	
KPLI		
1. PC	20	36
2. MT	16	

Instrumen Kajian

Empat cerita yang masing-masing mendukung satu dilemma moral dikemukakan kepada responden untuk dijawab menggunakan pensel dan kertas. Responden dikehendaki membuat keputusan dengan menyatakan tindakan yang perlu diambil dalam sesuatu dilema moral itu, diikuti dengan menyatakan sebab-sebab kepada tindakannya. Alasan-alasan tindakan yang dinyatakan itu digunakan untuk mengukur peringkat penaakulan moral responden.

Empat cerita ini telah diubahsuai oleh Porter daripada “Skala Penaakulan Moral” yang direkabentuk oleh Kohlberg (1958). Skala Kohlberg mengandungi 9 buah cerita tetapi menurut Porter (1972), empat daripada sembilan cerita yang diperakuihnya boleh digunakan untuk memperolehi gambaran yang sempurna tentang peringkat penaakulan moral seseorang individu.

Skala Penaakulan Moral yang dicadangkan oleh Porter telah diterjemahkan ke dalam Bahasa Malaysia oleh Chuah (1989) untuk kajiannya. Beliau juga mengubahsuai kandungannya supaya relevan dengan konteks tempatan. Loganathan (1995) juga telah menggunakan instrumen ini dalam kajian tesisnya dan kebolehpercayaannya didapati tinggi. Keputusan uji-ulang uji instrumen ke atas 160 orang pelajar ialah $r = 0.74$.

Pengumpulan Data

Data telah dikumpul pada 11 dan 12 Mei 2005 di MPBL. Data dikumpul dari kumpulan KDPM pada 11 Mei 2005 di bilik kuliah masing-masing. Bagi kumpulan KPLI pula, data dikumpul pada 12 Mei 2005 di bilik kuliah masing-masing. Sebelum subjek diberi cerita-cerita yang berdilema moral itu, subjek diberitahu bahawa ianya bukan satu ujian tetapi hanya bertujuan mendapat pandangan mereka terhadap isu-isu tertentu. Tidak ada had masa diberikan untuk pelatih memberi pandangan terhadap cerita-cerita. Tetapi secara keseluruhan, subjek didapati mengambil purata masa lebih kurang 60 minit untuk melengkapkan keempat-empat cerita kajian.

Analisis Data

Porter (1972) mencadangkan satu kaedah pengkategorian peringkat penaakulan moral yang mudah iaitu “Skema Pemarkahan Pemeringkatan Perkembangan Moral” (Lampiran A) yang boleh membantu penyelidik dalam menentukan peringkat penaakulan moral.

Selepas itu, kiraan peratus dan frekuensi digunakan untuk melihat peringkat penaakulan moral guru-guru pelatih KDPM dan KPLI secara berasingan mengikut tahap akademik dan juga secara menyeluruh mengikut umur.

DAPATAN KAJIAN

Jadual 2 menunjukkan peratusan dan frekuensi peringkat penaakulan moral guru-guru pelatih mengikut kumpulan masing-masing. Empat peringkat penaakulan moral didapati di kalangan guru pelatih KDPM dan KPLI. Peringkat-peringkat ini ialah peringkat 1, 2, 3 dan 4. Walaupun kedua-dua kumpulan guru pelatih itu berbeza dari segi tahap akademik, di mana guru pelatih KPLI telah memperolehi ijazah sarjana muda dan guru pelatih KDPM masih mengikuti Kursus Diploma Perguruan, namun peringkat-peringkat penaakulan moral yang dicapai oleh mereka adalah sama iaitu peringkat-peringkat 1 hingga 4.

Jadual 2: Peratusan dan Frekuensi Peringkat Penaakulan Moral Guru-Guru Pelatih KDPM dan KPLI Secara Keseluruhan Mengikut Tahap Akademik Masing-Masing

Peringkat Kumpulan	P1 % (f)	P2 % (f)	P3 % (f)	P4 % (f)
KDPM	17.7 (11)	35.5 (22)	33.9 (21)	12.9 (8)
KPLI	5.6 (2)	36.1 (13)	41.7 (15)	16.7 (6)

Akan tetapi peratusan pencapaian peringkat penaakulan moral guru pelatih mengikut kumpulan adalah berbeza. Bagi penaakulan moral guru pelatih KPLI, didapati paling ramai (41.7%) berada pada peringkat 3 dan paling kurang (5.6%) berada pada peringkat 1. Manakala bagi tahap perkembangan moral guru pelatih KDPM pula, paling ramai (35.5%) berada pada peringkat 2 dan paling kurang (12.9%) berada pada peringkat 4.

Secara keseluruhan, didapati peratusan guru pelatih KPLI yang mencapai tahap perkembangan moral pada peringkat-peringkat 2, 3 dan 4 adalah lebih tinggi daripada guru pelatih KDPM. Bagi guru pelatih KPLI, 41.7% (15) daripada mereka berada pada peringkat 3, diikuti dengan 36.1% (13) pada peringkat 2. Hanya 16.7% (6) dan 5.6% (2) daripada mereka berada pada peringkat-peringkat 4 dan 1 masing-masing. Bagi guru pelatih KDPM pula, 35.5% (22), 33.9% (21), 17.7% (11) dan

12.9% (8) daripada mereka berada pada peringkat 2, 3, 1 dan 4 masing-masing. Tiada seorang pun di kalangan guru pelatih KDPM dan KPLI yang berjaya sampai ke paras poskonvensional, iaitu peringkat 5 dan 6.

Jadual 3 pula menunjukkan peratusan dan frekuensi peringkat penaakulan moral guru-guru pelatih mengikut umur. Dari segi umur, didapati seramai 46 (46.9%) guru pelatih berada dalam kumpulan umur 19-24 tahun, manakala 52 (53.1%) guru pelatih berada dalam kumpulan umur 25-30 tahun. Jadual 3 menunjukkan bahawa bagi guru pelatih dalam kumpulan umur 19–24 tahun, paling ramai (16.3%) berada dalam kedua-dua peringkat 2 dan 3. Seramai 8 (8.2%) orang masih berada dalam peringkat 1 manakala 6 (6.1%) orang telah berjaya sampai ke peringkat 4.

Bagi guru pelatih yang terkandung dalam kumpulan umur 25–30 tahun pula, peratusan yang paling tinggi, iaitu 20.4% (20) berada pada peringkat 3, diikuti oleh 19.4% (19) pada peringkat 2. Hanya 5.1% (5) pelatih sahaja yang berada pada peringkat 1 manakala 8.2% (8) telah berjaya sampai ke peringkat yang lebih tinggi, iaitu peringkat 4. Untuk menentukan kebolehpercayaan pengiraan skor global bagi subjek kajian ini, penyelidik utama kajian telah memilih secara rambang 20% daripada borang tinjauan untuk disemak semula. Didapati nilai Kappa Cohen ialah 0.96.

Jadual 3: Peratusan dan Frekuensi Peringkat Penaakulan Moral Guru-Guru Pelatih KDPM dan KPLI Secara Keseluruhan Mengikut Umur

Peringkat Umur	P1 % (f)	P2 % (f)	P3 % (f)	P4 % (f)
19-24	8.2 (8)	16.3 (16)	16.3 (16)	6.1 (6)
25-30	5.1 (5)	19.4 (19)	20.4 (20)	8.2 (8)

Secara rumusan, keempat-empat peringkat penaakulan moral, iaitu peringkat-peringkat 1, 2, 3 dan 4 didapati di kalangan guru pelatih KDPM dan KPLI. Akan tetapi peratusan pencapaian peringkat adalah berlainan mengikut kumpulan. Lebih ramai guru pelatih KPLI yang bertahap akademik lebih tinggi daripada KDPM telah mencapai peringkat penaakulan moral yang lebih tinggi. Lebih ramai guru pelatih yang berusia lebih tua juga telah mencapai peringkat penaakulan moral yang lebih tinggi berbanding dengan guru pelatih yang berusia lebih muda.

RUMUSAN KAJIAN

Dapatan kajian menunjukkan bahawa keempat-empat peringkat penaakulan moral, iaitu peringkat-peringkat 1, 2, 3 dan 4 didapati di kalangan guru pelatih KDPM dan KPLI. Apa yang berlainan ialah peratusan pencapaian peringkat penaakulan moral mengikut kumpulan. Kebanyakan pelatih KDPM (33.5%) berada pada peringkat 2,

iaitu tahap prakonvensional manakala kebanyakan pelatih KPLI (41.7%) berada pada peringkat 3, iaitu tahap konvensional. Hanya sebilangan kecil pelatih dari kedua-dua kumpulan berjaya mencapai peringkat 4. Tiada pelatih berjaya mencapai ke tahap poskonvensional.

Implikasi dan Cadangan

Menurut Armstrong (1993), sekolah boleh memainkan peranan penting dalam memajukan pemikiran pelajar ke peringkat yang lebih tinggi. Justeru itu, adalah pentingnya pensyarah di maktab mengetahui peringkat pnaakulan moral guru pelatih terlebih dahulu sebelum merancang pengajaran. Ini adalah kerana pengetahuan sedemikian dapat membantu pensyarah memilih strategi pengajaran dan pembelajaran yang lebih berkesan. Menurut Stoll dan Beller (1993), kaedah pengajaran yang sesuai boleh membawa perubahan dalam perkembangan moral, baik dari segi kognitif mahupun tingkahlaku.

Justeru itu, adalah baik jika pensyarah Pendidikan Moral dapat diberi pendedahan tentang cara-cara menentukan tahap dan peringkat pnaakulan moral para guru pelatih agar strategi dan teknik pengajaran dan pembelajaran dapat mengembangkan peringkat pnaakulan moral pelatih ke peringkat yang lebih tinggi. Kemahiran menentukan tahap dan peringkat pnaakulan moral ini juga boleh didedahkan kepada guru pelatih yang merupakan bakal guru Pendidikan Moral di sekolah agar pengajaran dan pembelajaran moral dapat meninggikan daya pemikiran dan pnaakulan murid-murid sekolah.

Pengetahuan tentang peringkat pnaakulan moral pelatih juga boleh membantu pensyarah menyediakan soalan-soalan yang boleh menggalakkan pelatih berfikir secara kritis dan kreatif. Menurut Kohlberg (1976), guru harus mengetahui kemahiran menyoal ketika mengemukakan dilemma moral kerana soalan-soalan “probe” boleh menggalakkan pelajar berfikir dan seterusnya mempengaruhi perkembangan pnaakulan moral.

Oleh itu, bengkel dan kursus pendek harus dirancang oleh pihak BPG agar para pensyarah pendidikan moral dapat didedahkan dengan pelbagai kaedah, aktiviti dan kemahiran pengajaran dan pembelajaran yang selaras dengan peringkat perkembangan moral pelatih.

Kajian lanjutan dicadangkan untuk mengenal pasti faktor-faktor lain yang mempengaruhi perkembangan pnaakulan moral seseorang seperti taraf sosio-ekonomi, kepercayaan keagamaan, jantina, lokasi sekolah, dan sebagainya.

BIBLIOGRAFI

- Abdul Rahman Md. Aroff. (1984). Matlamat pendidikan moral: Suatu penilaian terhadap matlamat projek pendidikan moral di Malaysia. *Pendidik dan Pendidikan*, 6, 52-59.
- Abdul Rahman Md. Aroff dan Chang L.H. (1994). *Pendidikan moral*. (Dinamika Guru). Siri Pendidikan Longman: Longman Malaysia Sdn. Bhd.
- Armstrong, D. (1993). *Developing and documenting the curriculum*. Boston: Allyn and Bacon.
- Azian Tengku Syed Abdullah (1990). *Effects of moral dilemma episodes on moral values and academic performance of form one students in science lessons*. M.Ed. thesis, University of Malaya.
- Beck, C. (1989). Is there really development? An alternative interpretation. *Journal of Moral Education* 18(3), 174-185.
- Berkowitz, L. (1964). *Development of motives and values in a child*. New York: Basic Books.
- Bouhmama, D. (1984). The assessment of Kohlberg's stages of moral development in two cultures. *Journal of Moral Education*, 13(2), 124-131.
- Chandrasegaran, S. (1979). *Pertimbangan moral di kalangan pelajar-pelajar dalam lingkungan umur 11 – 17 tahun di sekolah rendah anglo-chinese dan sekolah menengah anglo-chinese Kampar, Perak*. Latihan ilmiah, Jabatan Psikologi, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Chuah, T. I. (1989). *Attitudes towards environmental issues in the context of moral development of standard six pupils*. M.Ed. thesis, University of Malaya.
- Colby, A., Kohlberg, L., Gibbs, J., & Lieberman, M. (1983). *A longitudinal study of moral judgement*. Harvard University, Cambridge, Mass. (Eric Document Reproduction Service No. ED 223512)
- Kay, W., (1970). *Moral development: A psychological study of moral growth from childhood to adolescence*, London: George Allen and Unwin.
- Kohlberg, L. (1958). *The development of modes of moral thinking and choice in the years ten to sixteen*. Unpublished doctoral dissertation, University of Chicago.
- Kohlberg, L. (1973). *Collected papers on moral development and moral education*. Cambridge, Mass: Lab of Human Development, Harvard University.
- Kohlberg, L. (1975). The just community approach to corrections: A theory. *Journal of Moral Education*, 4(3), 243-260.
- Kohlberg, L. (1976). "Moral stages and moralization: the cognitive developmental approach," in Lickona, T. (ed.), *Moral development: theory, research and social issues*. Holt, Rinehart & Winston, pp 31 – 53.
- Krebs, D. L., Vermeulen, S. C., Benton, K. L., & Carpendale, J. I. (1994). Gender and perspective differences in moral judgement and moral orientation. *Journal of Moral Education*, Vol. 23(1), 17-25
- Loganathan, R. (1995). *Peringkat perkembangan moral di kalangan pelajar sekolah menengah dari bandar dan luar bandar*. M.Ed. thesis, University of Malaya.

- Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia (1988). *Sukatan pelajaran sekolah menengah: Pendidikan moral*. Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia (1992). *Huraian sukatan pelajaran Pendidikan Moral KBSM Tingkatan IV*. Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Maqsud, M. (1977). Moral reasoning of Nigerian and Pakistani Muslim adolescence. *Journal of Moral Education*, (1), 40-49.
- Mosher, R. L. (1980). *Moral education: A first generation of research and development*. New York: Praeger Publishers.
- Nisan, M., & Kohlberg, L. (1982). Universality and Variation in moral judgement: A longitudinal and cross-sectional study in Turkey. *Child Development*, 53, 865-876.
- Porter, N. & Taylor, N. (1972). *How to assess the moral reasoning of students: A teacher's guide to the use of Lawrence Kohlberg's Stage development method*. Toronto: Ontario Institute for Studies in Education.
- Reimer, J. (1988). *Promoting moral growth: From Piaget to Kohlberg*. New York & London: Longman.
- Rest, J., Cooper, D., Coder, R., Masanz, J., & Anderson, D. (1974). Judging the important issues in moral dilemmas - An objective measure of development. *Developmental Psychology*, 10(4), 491-501.
- Richard & Herbert, C. (1984). *Moral reasoning and classroom conduct*. Toronto. (Eric Document Reproduction Service No. ED 251196)
- Rokeach, M., (1973). *The nature of human values*. New York: The Free Press.
- Rothman, G. R. (1980). The relationship between moral judgement and moral behaviour. In Windmiller, M., Lambert, N., & Turiel, E. (Eds), *Moral development and socialization* (pp 107 – 124). Boston: Allyn & Bacon.
- Ryan, K. (1991). Achievement, hedonism and the teacher. *School of Educational Review*, 3(1), 6 – 10.
- Turiel, E., Edwards, C.P., & Kohlberg, L. (1978). Moral development in Turkish children, adolescents and young adults. *Journal of Cross-Cultural Psychology*, 9(1), 75-86.
- Walker, L. J., & Thomas, J. (1991). Moral reasoning in a communist Chinese society. *Journal of Moral Education*, 20(2), 139-155.
- Wan Mohd. Zahid bin Wan Mohd. Noordin (1988). Ke arah pelaksanaan nilai-nilai murni dalam KBSM: Falsafah Pendidikan Negara. *Seminar nilai-nilai murni merentas kurikulum dalam KBSM UKM*, 3 – 11 Disember 1988.
- Zieler, D. L. (1990). *Values, morality & STS issues: A developmental perspective*. Paper presented at the Annual Meeting of the National Association for Science, Technology & Society. (ERIC Document Reproduction Service No. ED 324246)